

Berita RTM

PBT boleh mohon peruntukan KPKT bina kawasan khas rokok



PUTRAJAYA - Pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ingin membina kawasan khas merokok di tempat-tempat awam boleh membuat permohonan peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata kementerian akan membantu 155 PBT dalam usaha menyokong inisiatif larangan merokok di premis makanan.

Pihak PBT katanya boleh memohon menyediakan kawasan khas merokok yang berbumbung dan mempunyai tempat pembuangan puntung rokok.

Tambahnya lagi, pemilik restoran juga digalak untuk membina kawasan khas merokok sendiri mengikut garis panduan yang akan diberi.

Buat masa ini lokasi di Medan Selera Santai Ampang dijadikan projek perintis bagi projek ini.

Beliau berkata demikian di Putrajaya.